



Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

SMARTSTART BANTU PASANGAN TANGANI KONFLIK RUMAHTANGGA

KUALA LUMPUR, 20 FEBRUARI 2012– SmartStart merupakan program Pra Perkahwinan bagi mengendalikan pelbagai program kekeluargaan yang meliputi aspek kekeluargaan (*Family Life Cycle*). Program yang dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensinya, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) ini memberi fokus kepada pengisian berkaitan Alam Keibubapaan dan Menangani Tekanan dan Konflik rumahtangga. Ini dinyatakan oleh YB Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di pelancaran Majlis Peraduan Gerbang Cinta anjuran Utusan Malaysia di sini hari ini.

Program Pra Perkahwinan SMARTSTART ini telah dibangunkan sejak tahun 2006 khas untuk pasangan yang akan berkahwin dan baru berkahwin (kurang 5 tahun). Program dan aktiviti adalah salah satu faktor utama di dalam membantu mengekalkan keharmonian perkahwinan. Menyedari hakikat ini, LPPKN telah membangunkan modul ini bagi mengendalikan pelbagai program kekeluargaan. Sehingga Disember 2011, sejumlah 415 program telah dilaksanakan dengan disertai lebih 13,385 pasangan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara, NGO dan badan-badan Agama.

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh LPPKN pada tahun 2004 (*kajian ini dilakukan setiap 10 tahun*), perceraian berlaku hanya pada sebilangan kecil penduduk Malaysia, iaitu sebanyak 2.6% bagi Semenanjung Malaysia, 3.2% bagi Sarawak dan hanya 2.1% bagi Sabah. Menurut kajian ini juga, bilangan yang masih kekal dengan perkahwinan pertama adalah tinggi iaitu 90.8% (Melayu), 95.5% (Cina) dan 89.1% (India). Manakala mengikut Banci Penduduk pada tahun 2010, di dapati hanya 0.7% perceraian berlaku semasa tahun bancian tersebut.